

## UNTUK PENYIARAN SEGERA



أوتوريتي مونيتاري بروني دارالسلام  
AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM



Monetary Authority  
of Singapore

### Siaran Akhbar Bersama

#### **MATA WANG KENANG-KENANGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM-SINGAPURA \$50 MENDAPAT PENGIKTIRAFAN KECEMERLANGAN HOLOGRAFIK**

---

1. Ciri keselamatan optik yang terdapat pada mata wang kenang-kenangan \$50 sempena ulang tahun Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata wang antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura telah memenangi Anugerah Ciri-Ciri Sekuriti yang Terbaik di Anugerah *Excellence in Holography* 2017. Ciri keselamatan tersebut juga telah meraih Anugerah Pujian dalam kategori Inovasi dalam Teknologi Holografi. Anugerah *Excellence in Holography* ini diadakan setiap tahun oleh International Hologram Manufacturers Association (IHMA) untuk mengiktiraf produk-produk yang menggunakan holografi secara cemerlang.<sup>1</sup>
2. Mata wang kenang-kenangan tersebut telah dilancarkan pada 5 Julai 2017 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura.<sup>2</sup>
3. Kedua-dua mata wang kenang-kenangan dari kedua buah negara memiliki elemen sekuriti yang unik dimana terdapatnya ciri-ciri keselamatan lutsinar menggambarkan Istana Nurul Iman, Negara Brunei Darussalam dan Istana, Singapura. Ciri yang menggunakan nanopartikel ini juga memberi kesan pengalihan warna yang dapat dilihat dengan mata kasar namun sangat sukar untuk ditiru.
4. Maklumat lanjut mengenai matawang kenang-kenangan Brunei-Singapura \$50 sempena Ulang tahun ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura

---

<sup>1</sup> Sila rujuk [laman web](#) IHMA's untuk maklumat lanjut mengenai Anugerah Excellence in Holography.

<sup>2</sup> Sila rujuk [siaran akhbar](#) "Pengeluaran Matawang Kenang-Kenangan bersempena dengan Ulang Tahun Ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata wang di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura".

boleh didapati melalui [laman web AMBD](#) atau [laman web MAS](#), Aplikasi Mudah Alih AMBD yang boleh dimuat turun melalui 'App Store' dan 'Google Store'; atau dengan menonton [video](#) mengenainya.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Date: 10 Rabiulakhir 1439H/ 11 December 2017M

Ref No: AMBD/COMMS/3



Ciri keselamatan optic (seperti yang digambarkan di bawah):



Ciri keselamatan tersebut dapat dilihat di kedua-dua mata wang kenang-kenangan Negara Brunei Darussalam dan Singapura